

TERMA DAN SYARAT
UNTUK PENERIMAAN BAYARAN MELALUI CIMB QR PAY

Rujukan dibuat kepada Perjanjian Perdagangan Induk bertarikh _____ 20 yang dibuat antara CIMB Bank Berhad [No. Syarikat. 13491-P (“**Bank**”) dan

 _____ (“**Pedagang**”).

Sekiranya Pedagang memilih untuk menerima pembayaran menggunakan perkhidmatan “CIMB QR Code Pay” (“**CIMB QRPay**”) Terma dan Syarat ini akan digunapakai.

1. DEFINISI DAN INTERPRETASI

1.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak dispesifikasikan di dalam Perjanjian Perdagangan Induk akan membawa maksud seperti yang berikut:

“**Kod Akses**” merujuk kepada nama pengguna dan/atau PIN dan/atau maklumat pengesahan sulit yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan CIMB QRPay, sama ada di dalam bentuk perkataan, kod, nombor, set huruf, input biologi atau bentuk atau gabungannya yang lain, seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa;

“**Aplikasi**” merujuk kepada aplikasi CIMB QRPay yang dimuat turun oleh:- (a) Pedagang dan/atau wakil Jualan ke Peranti Mudah Alih mereka, Terminal Tetap dan/atau MPOS – Plug n Pay (mengikut mana yang berkenaan); dan (b) PEMBELI ke Peranti Mudah Alih PEMBELI untuk mengakses CIMB QRPay.

“**Pengesahan Biometrik**” (“**Biometrik**”) merujuk kepada proses verifikasi identiti pengguna yang melibatkan input biologikal atau mengimbas atau analisis sebahagian anggota badan yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada pengimbasan cap jari, pengenalan atau pengecaman wajah dan suara;

“**Peranti Mudah Alih**” merujuk kepada sebarang peranti telekomunikasi/peranti tanpa wayar (seperti telefon pintar dan/atau tablet) yang boleh digunakan untuk mengakses Aplikasi;

“**Kata Laluan**” merujuk kepada kata laluan PEMBELI yang digunakan oleh PEMBELI untuk mengesahkan sebarang Transaksi QR Kod;

“**PIN**” merujuk kepada 6 (ENAM) digit nombor yang digunakan untuk pengesahan dan mesti dimasukkan oleh Pedagang dan/atau Wakil Jualannya untuk mengakses CIMB QRPay;

“**Kod QR**” merujuk kepada Kod Tindakbalas Pantas, sejenis kod bar matrik (atau kod bar dua dimensi) yang mengandungi maklumat berkenaan item yang dilampirkan. Terdapat 2 jenis kod QR iaitu Kod QR (Statik) dan/atau Kod QR (Dinamik);

“**Kod QR (Dinamik)**” merujuk kepada kod unik dan boleh diubah yang dihasilkan oleh Pedagang yang mempunyai butiran akaun dan maklumat transaksi (termasuk jumlah yang perlu dibayar) yang disertakan dalam kod. Kod QR (Dinamik) hanya dapat diimbas sekali. PEMBELI tidak perlu memasukkan jumlah semasa membuat Pembayaran QR menggunakan Kod QR (Dinamik);

“**Kod QR (Statik)**” merujuk kepada kod tetap dan tidak boleh diubah yang disediakan oleh CIMB kepada Pedagang yang HANYA mempunyai butiran akaun Pedagang yang dimeteraikan di dalam kod. Kod QR (Statik) boleh diimbas berulang kali. PEMBELI dikehendaki untuk memasukkan jumlah yang perlu dibayar semasa membuat Pembayaran QR menggunakan Kod QR (Static);

“**Kod Transaksi QR**” merujuk kepada sebarang Saluran Transaksi Pembayaran dilaksanakan oleh PEMBELI yang menggunakan Kod QR;

“**Pembayaran QR**” merujuk kepada bayaran daripada PEMBELI ke dalam akaun Pedagang menggunakan CIMB QRPay. PEMBELI membuat pembayaran dengan mengimbas Kod QR Pedagang dengan Peranti Mudah Alih dan selepas itu membenarkan pembayaran pada Peranti Mudah Alih;

“**Wakil Jualan**” merujuk kepada orang yang diberikan kuasa oleh Pedagang untuk menghasilkan Kod QR dan menerima Pembayaran QR daripada PEMBELI bagi pihak Pedagang. Pembayaran yang diterima melalui CIMB QRPay masuk ke dalam Akaun Pedagang yang telah ditetapkan;

“**PEMBELI**” merujuk kepada pelanggan Pedagang yang memilih untuk membuat pembayaran kepada Pedagang menggunakan CIMB QRPay;

“**Nama Pengguna**” merujuk kepada nama unik yang telah terdiri dari huruf yang dipilih oleh Pedagang yang mesti dimasukkan oleh Pedagang dan/atau Wakil Jualan untuk mengakseskan perkhidmatan CIMB QRPay. Nama Pengguna digunakan untuk mengaitkan profil yang betul di dalam Aplikasi.

2. TRANSAKSI KOD QR

2.1 Pedagang dan Wakil Jualan hendaklah memastikan bahawa mereka memuat turun dan memasang Aplikasi di dalam Peranti Mudah Alih untuk menyediakan dan menggunakan perkhidmatan CIMB QRPay. Aplikasi hendaklah dimuat turun dari Apple App Store, Google Play atau aplikasi lain yang sah yang diluluskan oleh Bank. Pedagang akan mendaftarkan Peranti Mudah Alih yang digunakan oleh Pedagang dan Wakil Jualan untuk menerima notifikasi pembayaran untuk pembayaran yang telah dibuat oleh PEMBELI melalui Transaksi Kod QR. Notifikasi pembayaran akan dihantar ke Peranti Mudah Alih yang berdaftar Pedagang dan/atau Wakil Jualan melalui notifikasi di dalam Aplikasi itu sendiri dan/atau Sistem Mesej Singkat (SMS).

2.2 Pedagang boleh menggunakan CIMB QRPay untuk memudahkan resit pembayaran daripada PEMBELI melalui jenis Kod QR yang berikut:

- (a) **Kod QR (Statik):-** Di dalam situasi ini, PEMBELI akan memproseskan butiran akaun Pedagang yang terkandung di dalam Kod QR (Static) dengan mengimbas Kod QR (Statik) dengan Peranti Mudah Alihnya sendiri. PEMBELI seterusnya akan memasukkan jumlah yang akan dibayar kepada Pedagang ke dalam Peranti Mudah Alihnya sendiri dan selanjutnya memasukkan Kata Laluan untuk mengesahkan pembayaran yang sama kepada Pedagang; dan
- (b) **Kod QR (Dinamik):-** Di dalam situasi ini, Aplikasi akan menjana Kod QR (Dinamik) yang mengandungi maklumat transaksi yang berkenaan (termasuk jumlah yang perlu dibayar). PEMBELI akan memproseskan maklumat transaksi tersebut dengan mengimbas Kod QR (Dinamik) dengan Peranti Mudah Alihnya sendiri dan selanjutnya memasukkan Kata Laluan untuk mengesahkan pembayaran yang sama kepada Pedagang.

2.3 CIMB QRPay bertujuan untuk bekerjasama dengan Saluran-saluran Pembayaran yang dirujuk di dalam Perjanjian Perdagangan Induk. Apabila CIMB QRPay digunakan berkaitan dengan:-

- (a) Terminal Tetap dan/atau MPOS – Plug n Pay, peruntukkan **Lampiran A** akan mutatis mutandis digunakan;
- (b) Borang Pesanan Mel, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran B** akan mutatis mutandis digunakan;
- (c) proses transaksi pembayaran melalui laman web Pedagang, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran C** akan mutatis mutandis digunakan;
- (d) transaksi pembayaran yang diproseskan melalui laman web Bank “CIMB Clicks”, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran D** akan mutatis mutandis digunakan;
- (e) pembayaran yang dibuat oleh PEMBELI yang juga pelanggan Bank yang menggunakan Perkhidmatan Perbankan Bank, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran E** akan mutatis mutandis digunakan;
- (f) Pembayaran yang dibuat oleh PEMBELI melalui pembayaran dalam talian antara bank melalui Pertukaran Proses Kewangan, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran F** akan mutatis mutandis digunakan; dan

- (g) pembayaran yang dibuat oleh PEMBELI melalui JomPAY, terma dan syarat yang terkandung di dalam **Lampiran G** akan mutatis mutandis digunakan.

2.4 Pedagang tidak akan menyediakan wang tunai atau pendahuluan tunai kepada PEMBELI dengan cara Transaksi Kod QR.

2.5 Pedagang tidak dibenarkan untuk mengaturkan satu transaksi yang boleh melebihi had minimum transaksi tunggal Pedagang dengan mana-mana PEMBELI dengan menggunakan dua (2) atau lebih Transaksi Kod QR untuk menyelesaikan transaksi tunggal tersebut.

3. PENYELESAIAN JUMLAH TERTUNGGAK KEPADA PEDAGANG

3.1 Wang yang tertunggak kepada Pedagang berkaitan transaksi yang dibuat menggunakan CIMB QRPay akan dibayar ke Akaun Pedagang yang telah ditetapkan ditolak Diskaun Pedagang dan semua fi dan caj lain pada keesokan Hari Bekerja selepas setiap Transaksi Kod QR dengan syarat:-

- (a) Bank belum menggunakan budi bicara untuk menahan pembayaran kepada Pedagang berdasarkan sebarang notifikasi daripada PEMBELI atau berdasarkan peruntukan Terma dan Syarat dan Perjanjian Perdagangan Induk; dan
- (b) Pedagang akan memerhati dan melakukan semua tanggungjawab yang terkandung di dalam Terma dan Syarat dan Perjanjian Perdagangan Induk.

4. TERMA BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN CIMB QRPay

4.1 Pedagang akan menggunakan Kod QR (Statik) hanya untuk mengumpul wang berkaitan dengan jualan dan/atau pembekalan barang dan perkhidmatan yang dilakukan oleh Pedagang. Pedagang tidak akan berkongsi Kod QR (Statik) dengan mana-mana pihak ketiga atau membuat salinan Kod QR (Statik) untuk kegunaan mana-mana pihak ketiga dan Pedagang tidak boleh menggunakan Kod QR (Statik) dengan cara apa pun untuk mengumpulkan dana bagi pihak-pihak ketiga. Sekiranya Pedagang mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Kod QR (Statik) mereka telah dirosakkan atau rosak, Pedagang hendaklah dengan segera memberitahu Bank dan meminta untuk mencetak semula dan menggantikan yang sama dengan Kod QR (Statik) yang baru.

4.2 Pedagang hendaklah memastikan bahawa CIMB QRPay digunakan oleh Pedagang di lokasi yang tidak melebihi jarak yang tertentu dari alamat Pedagang yang didaftarkan oleh Bank. Pedagang tidak akan menjana sebarang Kod QR (Dinamik) di lokasi yang melebihi jarak tertentu dari alamat Pedagang yang ditetapkan oleh Bank ("**Lokasi Larangan**"). Peranti yang digunakan oleh Pedagang untuk menjana Kod QR (Dinamik) dipasang dengan ciri lokasi geo anti-penipuan. Sekiranya Pedagang menjana mana-mana Kod QR (Dinamik) di Lokasi Larangan, amaran penipuan akan dicituskan. Semasa verifikasi bahawa Pedagang telah menjana Kod QR (Dinamik) di Lokasi Larangan, Bank berhak untuk menamatkan perkhidmatan CIMB QRPay dan/atau Perjanjian Perdagangan Induk.

4.3 Langkah-Langkah Keselamatan

- (a) Pedagang dan Wakil Jualan akan memerhati semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh CIMB dari semasa ke semasa berkaitan dengan perkhidmatan CIMB QRPay secara khusus Nama Pengguna, PIN dan Peranti Mudah Alih mereka dari jatuh ke tangan yang salah;
- (b) Pedagang dan Wakil Jualan mestilah mengambil langkah berjaga-jaga dan ketekunan wajar untuk mengelakkan penggunaan QR Pay dan Peranti Mudah Alih mereka yang tidak dibenarkan. Sekiranya Pedagang percaya bahawa mana-mana antara Kod Akses mereka mahupun Wakil Jualan mereka telah disalahgunakan dan/atau dikomprikan, mereka hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera dan/atau mengambil langkah yang perlu untuk mengubah dan mencipta semula Kod Akses yang baru; dan
- (c) Pedagang dan Wakil Jualan mereka bersetuju bahawa Bank berhak untuk membatalkan Kod Akses mereka untuk melanggar atau berpontensi untuk melanggar terma yang terkandung di sini, atau sebarang undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau menjaga keselamatan perkhidmatan dan pengguna CIMB QRPay di mana Bank fikir sesuai. Pedagang dan

Wakil Jualan mereka tidak akan memegang Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh pembatalan Kod Akses mereka.

4.4 Pengesahan Biometrik

- (a) Sekiranya Peranti Mudah Alih Pedagang dan Wakil Jualan telah didaftarkan dengan berjaya dengan perkhidmatan Biometrik Bank, Aplikasi boleh diakses dengan cap jari berdaftar di dalam Peranti Mudah Alih Pedagang dan/atau Wakil Jualan atau rakaman muka dan suara Pedagang dan/atau Wakil Jualan menggunakan Aplikasi. Pedagang dan Wakil Jualan dianggap telah memberi kuasa kepada Bank untuk mengakses cap jari Pedagang dan Wakil Jualan yang didaftarkan di Peranti Mudah Alih Wakil Pedagang dan Wakil Jualan serta wajah dan suara Pedagang dan Wakil Jualan yang dirakam menggunakan Aplikasi.
- (b) Pedagang dan Wakil Jualan TIDAK digalakkan untuk mendaftarkan cap jari mana-mana pihak ketiga di dalam Peranti Mudah Alih atau wajah dan suara mana-mana pihak ketiga dengan Peranti Mudah Alih dan/atau Aplikasi, seperti dengan pendaftaran sedemikian, pihak ketiga boleh mengakses Aplikasi di bawah akaun Pedagang dan Wakil Jualan. Sekiranya berlaku, Pedagang dan Wakil Jualan akan bertanggungjawab ke atas semua kerugian atau kerosakan yang dilalui timbul akibat akses tersebut yang dianggap dibenarkan oleh Pedagang dan/atau Wakil Jualan.

4.5 Arahan

- (a) Pedagang dan Wakil Jualan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mematuhi semua arahan yang diberikan oleh mereka melalui penggunaan Kod Akses masing-masing, dan arahan tersebut dianggap sebagai arahan yang dibenarkan oleh Pedagang dan Wakil Jualan walaupun mereka mungkin bertentangan dengan mandat lain yang diberikan pada bila-bila masa mengenai akaun atau urusan Pedagang dan Wakil Jualan. Pedagang dan Wakil Jualan bersetuju bahawa arahan tersebut mengikat Pedagang dan Wakil Jualan setelah dihantar ke Bank dan arahan tidak dapat diubah atau ditarik balik tanpa persetujuan Bank dan Bank tidak lagi diwajibkan untuk memeriksa kesahihan arahan tersebut.
- (b) Pedagang dan Wakil Jualan dengan ini bersetuju bahawa Pedagang dan Wakil Jualan bertanggungjawab untuk mengkaji semula makluman, pernyataan dan rekod Bank mengenai arahan, komunikasi, operasi atau transaksi yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau dilaksanakan melalui perkhidmatan dan/atau Aplikasi CIMB QRPay tepat pada masanya dan teratur. Sekiranya Pedagang dan Wakil Jualan mempunyai alasan yang cukup bahawa arahan yang tidak diterima dengan tepat dan lengkap oleh Bank, Pedagang dan Wakil Jualan hendaklah secara rasmi dan segera memberitahu Bank dengan cara apa pun tanpa berlengah setelah penghantaran arahan yang relevan.

4.6 Pembatalan Transaksi QR Code

Sekiranya mana-mana barang dan/atau perkhidmatan tidak diterima dan/atau tidak dapat dilaksanakan atau dibatalkan atau dalam hal barang, barang yang sama diterima oleh PEMBELI telah ditolak atau diterima untuk pemulangan semula atau harga dipertikaikan oleh PEMBELI atau penyesuaian harga dibenarkan, Pedagang hendaklah melakukan salah satu dari yang berikut:-

- (a) Sekiranya wang tidak dibayar kepada Pedagang mengikut Klausula 3.1 diatas, Pedagang boleh dengan segera membatalkan Transaksi Kod QR melalui Aplikasi; atau
- (b) Sekiranya wang sudah dibayar kepada Pedagang mengikut Klausula 3.1 diatas, Pedagang haruslah menghubungi khidmat talian Bank di 03 – [REDACTED] untuk membangkitkan permintaan bayaran balik atau membatalkan Transaksi Kod QR.

5. PEMBATALAN SALURAN INI

- 5.1 Bank boleh membatalkan atau menangguhkan kuasa yang diberikan kepada Pedagang untuk menggunakan perkhidmatan CIMB QRPay mutatis mutandis mengikut peruntukan-peruntukan pembatalan dan/atau penangguhan yang terkandung di dalam Perjanjian Pedagang Induk, tanpa mempengaruhi hak-hak Pedagang untuk menggunakan Saluran Pembayaran yang lain.

SULIT

- 5.2. Pedagang mengakui bahawa pembatalan tidak akan mempengaruhi liabiliti dan tanggungjawab berkenaan dengan arahan yang diberikan dan/atau proses oleh Bank bagi pihak Pedagang dan Wakil Jualan sebelum taikh pembatalan berkuatkuasa.

6. **KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN / FI DAN CAJ TELEKOMUNIKASI**

- 6.1. Walaupun perkhidmatan CIMB QRPay bertujuan untuk tersedia 7 hari seminggu, 24 jam sehari, Pedagang dan Wakil Jualan bersetuju bahawa terdapat kemungkinan waktu henti di mana Bank melakukan penyelenggaraan sistem dan peralatan atau ketika keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan Bank mengganggu perkhidmatan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemberhentian dan/atau gangguan tersebut berlaku.
- 6.2. Pedagang mengakui bahawa Pedagang bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan dalam membolehkan Pedagang untuk mengakses dan/atau menyambungkan ke CIMB QRPay dan/atau Aplikasi. Pedagang juga bertanggungjawab untuk apa-apa fi dan caj yang dikenakan oleh mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi.

7. **TERMA AKSES (UNTUK KEGUNAAN APLIKASI)**

Akses Pedagang dan kegunaan Aplikasi dan kegunaan perkhidmatan seperti yang disediakan di dalam ini ("**Perkhidmatan**") adalah tertakluk kepada Klausula 7 ("**Terma Akses**"). Dengan memuat turunkan Aplikasi dan/atau menggunakan Perkhidmatan, Pedagang bersetuju untuk terikat dengan Terma Akses. Sekiranya pada bila-bila masa Pedagang tidak menerima sebarang atau semua Terma Akses, termasuk sebarang perubahan yang dibuat padanya dan apa-apa polisi operasi tambahan di mana Bank, atas budi bicara tunggalnya, boleh menetapkan dari semasa ke semasa, Pedagang mesti dengan segera memberhentikan semua akses Aplikasi dan/atau Perkhidmatan.

7.1 **Kelakuan**

- (a) Kegunaan Aplikasi dan Perkhidmatan oleh Pedagang pada setiap masa mengikut semua perundangan, undang-undang dan peraturan-peraturan pengatur yang sama dan Pedagang haruslah tidak, pada bila-bila masa, mencuba atau membantu orang lain untuk memindahkan bahan, data, komunikasi dan/atau maklumat ("**Kandungan**") melalui Aplikasi atau Perkhidmatan, yang menyalahguna, memfitnah, melanggar hak orang lain, merupakan kesalahan jenayah atau mewujudkan liabiliti sivil, menggalakkan perkauman, mempromosikan kebencian, mengandungi pornografi atau pedofilia, mengandungi apa-apa virus atau fail yang merosakkan dan/atau sebaliknya tidak dapat diterima oleh moral dan kesopanan awam.
- (b) Pedagang bersetuju untuk tidak menggodam atau mencuba untuk mendapatkan akses yang tidak disahkan ke dalam Aplikasi dan Perkhidmatan, mengganggu keselamatan sumbernya, menyediakan maklumat, yang tidak tepat atau salah, dan/atau sebaliknya penyalahgunaan dan menyalahgunakan Aplikasi dan Perkhidmatan. Pedagang selanjutnya bersetuju untuk menggunakan Aplikasi dan Perkhidmatan semata-mata untuk Pedagang, dan Pedagang tidak dibenarkan untuk menjual semula atau caj yang lain untuk menggunakan Aplikasi dan Perkhidmatan, membuat salinan mana-mana bahagian Perkhidmatan, dan melakukan kejuruteraan terbalik, mengubah atau mengubahsuai mana-mana bahagian Perkhidmatan. Sekiranya pada bila-bila masa Pedagang menjumpai atau mengesyaki berlaku aktiviti-aktiviti tersebut, Pedagang haruslah memaklumkan Bank dengan segera dan kegagalan atau kelewatan berbuat demikian, Pedagang boleh dijadikan bertanggungjawab ke atas perkara yang sama.
- (c) Bank tidak diwajibkan untuk memantau atau mengkaji semula akses dan kegunaan Aplikasi atau kegunaan Perkhidmatan Pedagang. Walaubagaimanapun, Bank boleh berbuat demikian dari semasa ke semasa untuk kegunaan Bank sendiri atau di mana Bank dikehendaki untuk berbuat sedemikian di bawah Terma Akses ini. Dalam berbuat demikian, Bank mempunyai hak untuk mengubah atau membuang apa-apa Kandungan yang melanggar peruntukan-peruntukan Terma Akses ini tanpa notis dan tanpa liabiliti kepada Pedagang dengan berbuat sedemikian.

7.2 **Hak-Hak Harta Intelek**

- (a) Pedagang bersetuju bahawa Kandungan termasuk apa-apa grafik, tulisan, skrip, lagu, bunyi, gambar, imej, seni, video dan kerja multimedia lain atau mana-mana kombinasi tersebut yang

SULIT

terdapat dalam Aplikasi dan Perkhidmatan pada setiap masa dilindungi oleh hak cipta, cap dagangan, tanda perkhidmatan, paten dan harta intelek yang lain atau hak ketuanpunyaan, semua pada setiap masa dimiliki secara eksklusif oleh Bank atau vendor pihak ketiga yang berkaitan, pengiklan, sekutuan atau pihak ketiga yang lain, mana yang terpakai.

- (b) Dengan memuat turun dan mengakseskan Aplikasi dan Perkhidmatan, Pedagang bersetuju bahawa Kandungan mungkin tidak sebaliknya dihasilkan semula, disalin, disebarkan, diterbitkan, dilakukan, disiarkan, disesuaikan, disimpan, diedarkan, dikomunikasikan, dipaparkan, dilesenkan, diubahsuai, diedit, dicensor, diubah hyperlink atau digunakan secara keseluruhan atau sebahagian dengan cara apa pun tanpa persetujuan nyata Bank terlebih dahulu atau vendor pihak ketiga, pengiklan, sekutuan atau pihak ketiga yang berkenaan, mana yang terpakai, kepada yang sama. Selanjutnya, Pedagang tidak boleh memasukkan hyperlink ke dalam Aplikasi atau Perkhidmatan atau "cermin" atau membingkai yang sama atau sebahagian daripadanya pada Aplikasi atau pelayan lain.
- (c) Semua hak di dalam Aplikasi, Perkhidmatan dan Kandungan yang tidak diberikan dengan nyata kepada Pedagang di bawah Terma Akses atau sebaliknya, pada setiap masa dipelihara dengan tegas oleh Bank atau vendor pihak ketiga, pengiklan, sekutuan atau pihak ketiga yang berkaitan, mana yang terpakai.

7.3 Caj

- (a) Sementara akses Pedagang kepada Aplikasi disediakan secara percuma tanpa caj pada masa ini, Pedagang bersetuju dan mengakui bahawa Bank menzab hak mutlak dan budi bicara untuk mengenakan caj untuk yang sama atau apa-apa Perkhidmatan yang mungkin disediakan di sini atau apa-apa bahagian daripadanya pada bila-bila masa pada masa akan datang, tertakluk sentiasa kepada Bank untuk memberikan Pedagang notis sebelum yang sama.
- (b) Selanjutnya dan walaubagaimanapun, Pedagang juga bersetuju dan mengakui bahawa terdapat Perkhidmatan tertentu yang disediakan di sini, sama ada wujud pada masa kini atau tersedia pada masa akan datang, yang memerlukan Pedagang untuk mendaftar dengan Bank untuk mengakses dan digunakan yang sama. Dalam situasi ini, Pedagang bersetuju dan mengakui bahawa Bank menzab hak mutlak dan budi bicara untuk mengenakan caj untuk pendaftaran Pedagang dan/atau akses untuk dan menggunakan Perkhidmatan atau mana-mana bahagian tersebut. Untuk tujuan ini, Pedagang akan dimaklumkan berkenaan caj yang berkaitan, sekiranya ada, setelah pendaftaran dan selesai proses pendaftaran Pedagang, akses ke atau penggunaan Perkhidmatan akan menjadi perjanjian Pedagang dan penerimaan yang sama.

7.4 Klausu Privasi (berkaitan penggunaan Aplikasi)

- (a) Sekiranya Pedagang memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan saudara dan tanggungan Pedagang, untuk tujuan menyiapkan atau mengendalikan Aplikasi dan Perkhidmatan, Pedagang (a) mengesahkan bahawa Pedagang telah mendapatkan kelulusan mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan maklumat ini kepada Bank dan untuk kegunaan Bank berkaitan dengan Terma dan Syarat (termasuk Terma Akses) dan/or Perjanjian Perdagangan Induk; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan bagi pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengeluarkan dan menamatkan penggunaan maklumat pihak ketiga tersebut sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan / atau Perjanjian Pedagang Utama sekiranya persetujuan tersebut ditarik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- (b) Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan/atau pada masa akan datang berkongsi maklumat mengenai Pedagang dan cara Pedagang mendirikan dan mengoperasikan akaun/kemudahan Pedagang dengan pihak berkuasa yang berkenaan.
- (c) Walaupun selepas Pedagang telah menyediakan apa-apa maklumat kepada Bank, Pedagang mempunyai pilihan untuk menarik balik kelulusan yang telah diberikan terlebih dahulu dengan menangguhkan akaun Pedagang dan membatalkan penggunaan Aplikasi. Di dalam situasi ini,

Bank mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan peruntukan bagi mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

- (d) Bank menyimpan hak untuk meminda klausa privasi ini dari semasa ke semasa atas budi bicara tunggal Bank dan boleh melaksanakan pindaan tersebut dengan apa cara yang disediakan di dalam Perjanjian Perdagangan Induk dan juga pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pedagang secara bertulis dengan memasukkan apa-apa pindaan tersebut dalam Aplikasi dan/atau dengan membuat pemberitahuan di dewan perbankan atau di lokasi-lokasi terkemuka dalam cawangan Bank.

7.5 Hiperpautan kepada Pihak Ketiga

Sepanjang akses Pedagang ke Aplikasi dan penggunaan Perkhidmatan, Pedagang akan menemui hiperpautan ke laman web pihak ketiga, yang tidak berada di bawah kawalan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya. Oleh itu, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas akses Pedagang dan penggunaan yang sama atau apa-apa maklumat atau bahan yang terdapat di dalamnya. Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa bentuk penyebaran dan komunikasi antara Pedagang dan pihak ketiga tersebut atau penglibatan Pedagang atau penggunaan maklumat, bahan, perkhidmatan atau promosi mereka. Untuk tujuan ini, Pedagang bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya untuk yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya.

7.6 Penolakan

- (a) Semua Kandungan yang terdapat di dalam Aplikasi dan Perkhidmatan disediakan berdasarkan asas “seperti dalam” dan “seperti yang ada” dan digunakan untuk rujukan dan maklumat Pedagang sahaja, dan tidak, walaupun pada bila-bila masa, dianggap atau dianggap untuk dimaksudkan untuk apa-apa perniagaan atau tujuan komersial atau untuk membentuk tawaran atau permintaan dan/atau anak syarikat, sekutuan dan rakan niaga Bank. Oleh itu Pedagang dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat profesional bebas pada setiap masa dan verifikasi Kandungan tersebut sebelum membuat keputusan berdasarkan yang sama.
- (b) Sementara Bank akan menggunakan usaha yang terbaik untuk memastikan bahawa Kandungan disini atau mana-mana bahagian daripadanya, sebaik-baiknya, tepat, lengkap, terkini dan benar, Pedagang mengakui dan bersetuju bahawa Kandungan tertentu yang dihantar atau disediakan melalui laman web mungkin disediakan oleh pihak ketiga, oleh itu, Bank tidak menjamin perkara yang sama dan lebih jauh lagi, Bank secara tegas menolak semua liabiliti untuk sebarang kesalahan, kelalaian atau kekurangan dalam Kandungan di sini atau mana-mana bahagiannya. Seterusnya, Bank tidak memberikan sebarang jenis jaminan, sama ada nyata, tersirat atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, tidak melanggar atau bebas daripada virus. Bank juga tidak menjamin bahawa Aplikasi, Perkhidmatan dan Kandungan akan memenuhi keperluan Pedagang, tidak terganggu, tepat pada masanya atau selamat.
- (c) Pedagang bertanggungjawab secara tunggal dalam melakukan membuat penilaian sendiri semasa memuat turun dan menggunakan Aplikasi, Perkhidmatan dan Kandungan dan Pedagang bersetuju bahawa akses dan penggunaan Pedagang harus sepanjang masa dengan risiko Pedagang sendiri. Bank tidak menjamin bahawa Aplikasi dan Perkhidmatan akan berfungsi untuk memenuhi keperluan Pedagang atau akan berkesan berfungsi pada perkakasan Pedagang dengan sistem operasi Pedagang, atau dengan perisian lain yang dipasang pada Peranti Mudah Alih.
- (d) Walau apa pun Terma dan Syarat ini, Bank tidak akan, pada bila-bila masa, bertanggungjawab kepada Pedagang atau mana-mana orang untuk kerosakan dan kerugian yang dialami (termasuk semua kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau akibat, kerugian ekonomi, kerugian untung atau kehilangan peluang) terjadi akibat daripada sebarang gangguan atau ketiadaan Aplikasi, Perkhidmatan dan/atau Kandungan dan/atau akses kepada dan penggunaan Pedagang untuk yang sama bagi apa-apa alasan selain dari kegagalan dalam sistem di mana kegagalan tersebut

SULIT

adalah akibat perbuatan langsung Bank, kecuaiian atau ketinggalan, atau di mana Bank di mana Bank telah dimaklumkan mengenai kemungkinannya; atau dari sebarang kelewatan atau kesalahan dalam penghantaran atau komunikasi yang berkaitan dengan muat turun dan penggunaan Aplikasi, Perkhidmatan dan Kandungan Pedagang.

7.7 Lain-Lain

- (a) Bank menzababkan hak dan budi bicara untuk mengubahsuai (termasuk menghadkan, menggantikan atau membuang) Aplikasi, Perkhidmatan dan Kandungan atau mana-mana bahagian daripadanya termasuk untuk membatalkan atau menghadkan akses Pedagang dan/atau kegunaan yang sama pada bila-bila masa. Berikutannya, di mana kami percaya bahawa pengubahsuaian tersebut penting atau secara material mempengaruhi akses dan penggunaan Pedagang yang sama, kami akan memberitahu Pedagang mengenai pengubahsuaian tersebut melalui pemberitahuan, antara lain, yang ditunjukkan pada Aplikasi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum pengubahsuaian tersebut mulai berlaku, kecuali jika keadaan di luar kawalan Bank membatasi kemampuan dan usaha Bank untuk melakukannya.
- (b) Versi Terma Akses yang bercetak dan apa-apa notis, mesej atau komunikasi yang diberikan melalui jenis elektronik akan boleh diterima dalam proses kehakiman atau pentadbiran berdasarkan atau yang berkaitan dengan Terma Akses, sejauh yang dijaga dalam bentuk cetaknya.

8. **TERMA DAN SYARAT YANG DIBACA BERSAMA PERJANJIAN PERDAGANGAN INDUK**

- 8.1 Terma dan Syarat ini (termasuk Terma Akses) akan dibaca sebagai satu dokumen bersepadu dengan Perjanjian Perdagangan Induk dan sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Perdagangan Induk, Jadualnya, Lampiran dan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang terkandung di sini akan digunapakai selagi berkait dengan penggunaan CIMB QRPay dan akses dan penggunaan Pedagang daripada Aplikasi dan Perkhidmatan.

Dipersetujui dan Diterima oleh Pedagang

DITANDATANGANI oleh

penandatanganan yang sah daripada **Pedagang**

Bertarikh _____